



TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
PROGRAM PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2016

28 JULAI 2016 (KHAMIS)
KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI, MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum warahmatullahi wabaratuah,
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI MAHMUD BIN KARIM
Pengarah Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. RAMZAH BIN DAMBUL
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI

YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABU BAKAR BIN SAHARI
Pengarah Pendidikan Negeri Melaka

YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABDUL HALIM BIN TAWIL
Pemangku Mufti Negeri Melaka

YANG BERUSAHA PUAN ANITA BINTI BAHARI
Pengarah, Pusat Sains Negara

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, barisan pendidik, para pelajar, rakan media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada pagi yang berbahagia ini di **MAJLIS PERASMIAN PENUTUP PROGRAM PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2016 DI KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI, MELAKA**. Tidak lewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pusat Sains Negara (PSN) kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Majlis Penutup Program Perkampungan Sains Melaka 2016. Program Perkampungan Sains ini merupakan aktiviti tahunan yang menyokong agenda Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam menyemarakkan serta membudayakan sains, teknologi dan inovasi (STI) di kalangan rakyat Malaysia.

3. Saya juga telah difahamkan bahawa program ini telah berjaya menghimpunkan 25 orang pelajar pra-sekolah, 60 orang pelajar sekolah dan 40 orang guru untuk berkampung selama 3 hari dan terlibat dalam aktiviti interaktif sains.

4. Program Perkampungan Sains Melaka kita ini telah berjaya dilaksanakan hasil kerjasama erat antara MOSTI, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka. Tidak dilupakan juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Mufti Negeri Melaka kerana telah memberi kemudahan untuk menggunakan Kompleks Falak Al-Khawarizmi dan juga menjadi rakan strategik PSN dalam penganjuran program ini.

PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2016

Para hadirin sekalian,

5. Saya selaku Timbalan Menteri ingin berkongsi peranan MOSTI sebagai peneraju sains, teknologi dan inovasi (STI) negara. MOSTI melalui PSN sentiasa berusaha untuk mencetus dan menyemai minat

rakyat Malaysia terhadap sains dan teknologi. Lantas, program-program merakyatkan STI seperti ini akan diteruskan bagi meningkatkan lagi kesedaran dalam bidang STI kepada masyarakat khususnya kepada para pendidik dan para pelajar.

6. Objektif penganjuran program Perkampungan Sains Melaka 2016 selama 3 hari 2 malam ini adalah untuk pelajar mendalami bidang sains dan sebagai satu cara perkongsian kaedah pengajaran dan pembelajaran sains secara tidak formal kepada guru.

7. Saya difahamkan bahawa tema program kali ini adalah “*Enjoy & Explore Science*” yang selaras dengan penerapan elemen Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau ringkasnya STEM di dalam setiap modul pendidikan sains tidak formal yang dibangunkan oleh PSN.

8. Pengisian program adalah melalui bengkel yang berbentuk aktiviti *hands-on*, pertandingan, demonstrasi dan aktiviti pendidikan berbentuk *edutainment* supaya program ini lebih menarik.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Rakyat negeri Melaka amat bertuah kerana program ini adalah merupakan kali keduanya ia dianjurkan di sini. Pada tahun lepas, program perkampungan ini juga telah dijalankan di Melaka dan telah mendapat maklum balas yang amat positif daripada semua peserta. Sebanyak 125 peserta telah terlibat di mana 15 aktiviti sains secara *hands-on* berjaya dilaksanakan bersama pelajar dan 7 modul pengajaran dan pembelajaran sains telah didedahkan kepada guru.

10. Hasil kejayaan tersebut telah mendorong PSN untuk melaksanakan program ini buat kali keduanya di negeri yang bersejarah ini. Program kali ini telah dirangka dengan pengisian yang lebih menarik dan mantap untuk memberi manfaat yang lebih kepada masyarakat Melaka.

11. Saya amat gembira melihat penyertaan aktif pelajar pra-sekolah, pelajar sekolah dan guru yang telah dipilih menjadi peserta program ini.

Saya juga berharap semua peserta telah mendapat pendedahan dan ilmu-ilmu baru daripada program ini, dan mengaplikasikan dalam kehidupan seharian. Saya percaya generasi yang berbudaya sains, kreatif dan inovatif akan dapat dipupuk dan bersedia untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

PENDIDIKAN BERTERASKAN ELEMEN STEM (SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS)

Para hadirin sekalian,

12. MOSTI juga telah melaksanakan pelbagai program STEM bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Antaranya ialah Program Inovasi Pendidikan, PSN SciFest, Kembara Sains, Singgah Sains, ScienceKidz, ScienceCamp, Youth Industry Bootcamp, National Science Challenge, School Club Innovation Tool Kit, Ceramah Popinnovation dan Program Kreativiti & Science4U.

13. Program-program ini telah menghasilkan beberapa inovasi pengajaran dan pembelajaran STEM yang tidak formal dengan lebih efektif untuk menanam minat pelajar-pelajar dalam bidang STEM.

14. Bagi menyemai budaya sains, saya yakin para guru yang hadir dalam program ini akan menggunakan ruang pendidikan di sekolah masing-masing sebagai pentas untuk memupuk budaya sains. Rasionalnya adalah kerana pengajian sains amat dekat dengan kehidupan seharian kita.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

15. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak atas kerjasama dan usaha gigih untuk menjayakan Program Perkampungan Sains 2016 ini.

16. Sama-samalah kita berdoa agar program yang telah diadakan ini akan benar-benar dapat dimanfaatkan oleh generasi muda kita pada hari ini, khususnya para guru dan pelajar-pelajar sekolah yang merupakan aset negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi serta dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

17. Justeru, **saya dengan sukacita merasmikan MAJLIS PENUTUP PROGRAM PERKAMPUNGAN SAINS MELAKA 2016.**

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.